

TEKS

YB MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

MEMELIHARA DAN MENGUKUHKAN DAYA SAING PERDAGANGAN DAN PELABURAN MALAYSIA DALAM MENDEPANI CABARAN GEOEKONOMI GLOBAL MENERUSI PERJANJIAN PERDAGANGAN TIMBAL BALAS MALAYSIA-AMERIKA SYARIKAT

RABU, 29 OKTOBER 2025

A. MUKADIMAH

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Setelah berunding selama lima bulan, bermula pada 6 Mei hingga 17 Oktober 2025, di mana Ahli-ahli Parlimen telah diberikan penerangan oleh YAB Perdana Menteri berkenaan pengenaan tarif timbal balas pada 5 Mei 2025 di dalam Dewan yang mulia ini, serta oleh saya sendiri mengenai perkembangan rundingan pada 4 Ogos 2025

dan juga di dalam sidang media dan beberapa siri wawancara dengan media, akhirnya, Alhamdulillah, pada Ahad, 26 Oktober 2025, YAB Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald J. Trump telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (*Agreement on Reciprocal Trade – ART*).

2. Namun, bak kata pepatah “rumah sudah siap, pahat masih berbunyi”. Tak mengapa. Kerajaan MADANI ini tidak takut pada kritikan Tetapi biarlah ia berasaskan fakta, bukan tohmahan yang tidak berasas apatah lagi fitnah semata-mata
3. Perlu saya tegaskan, rundingan ini bukanlah pilihan yang kita minta. Tidak seperti mana-mana rundingan perjanjian perdagangan lain di mana rundingan di adakan apabila ada kemahuan kedua belah pihak. Ini adalah tarif unilateral yang dikenakan kepada kita, dan juga beratus negara lain yang juga berdagang dengan AS. Suka atau tidak kita terpaksa berhadapan realiti yang sudah kita jelaskan berulang-kali, adalah tidak adil sama sekali. Ada di kalangan Ahli Dewan ini yang mengatakan kita menyerahkan tengkuk dalam berunding. Sememangnya, **ini adalah realiti geopolitik yang kita hadapi sebagai sebuah negara perdagangan terbuka, berdepan kuasa**

ekonomi terbesar dunia yang merupakan pasaran eksport terbesar kita dengan jumlah perdagangan Malaysia-AS pada tahun 2024 mencatatkan RM325 bilion, di mana eksport Malaysia ke AS berjumlah RM198.65 bilion. Bagi tempoh Januari-September 2025 pula, jumlah eksport negara ke AS adalah RM166.38 bilion. Ini pasaran yang penting buat Malaysia, mahu tidak mahu, kita perlu bangkit mempertahankan akses kepada pasaran ini walaupun berhadapan dengan tekanan tarif timbal balas bersifat unilateral oleh Kerajaan Amerika Syarikat. Kita tiada pilihan tetapi untuk berunding, demi kepentingan negara dan ekonomi kita.

4. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak memberi alasan dan mencari salah, tetapi kita terus bertindak pantas dengan penuh hemah dan bijaksana, bangkit berunding untuk mempertahankan kelangsungan perniagaan, melindungi punca pendapatan rakyat Malaysia, mengekalkan pasaran eksport kita, dan mempertahankan maruah negara, secara praktikal, tegas, dan berprinsip sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat.
5. Atas dasar itu, saya ingin menjawab satu per satu

kemusykilan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tetapi sebelum itu izinkan saya terlebih dahulu menjelaskan perkara perkara pokok Perjanjian Perdagangan Timbal Balas dengan Amerika Syarikat ini.

B. PERKARA-PERKARA POKOK PERJANJIAN PERDAGANGAN TIMBAL BALAS

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Kita perlu menginsafi bahawa hakikatnya, perjanjian ini melibatkan punca rezeki jutaan rakyat Malaysia yang bangun setiap pagi, pergi berkerja, mencari rezeki merentasi pelbagai sektor seperti sektor E&E, aeroangkasa, getah, koko, dan farmaseutikal. Kalau kita cuai, leka, tidak bertindak pantas dan tidak tegas bangkit mempertahankan hak kita, merekalah yang akan hilang kerja, hilang punca rezeki, bukan Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk selesa dalam Dewan ini.
2. Oleh itu, apabila kita menilai Perjanjian Perdagangan Timbal Balas ini, ada **beberapa fakta yang mesti difahami dengan jelas, seperti berikut:**

- i) Tarif timbal balas telah dikenakan ke **semua negara rakan dagang AS**, bukan sahaja kepada negara yang mencatatkan lebihan dagangan dengan AS, malah negara-negara yang mempunyai defisit perdagangan dengan AS seperti Singapura, Australia dan lain-lain. Mengimbas kembali, pada **2 April 2025** Malaysia telah dikenakan kadar tarif **24%**, yang kemudiannya **dinaikkan kepada 25%** pada **Julai 2025**, berikutan ketidakseimbangan perdagangan antara MY-AS. Pada waktu itu, AS melihat wujudnya pelbagai halangan tarif dan bukan tarif terhadap import barangan AS yang telah mengakibatkan AS menghadapi defisit perdagangan yang tinggi dengan Malaysia. **Walaupun pada masa itu, Malaysia berada di dalam situasi yang lebih baik berbanding negara-negara lain yang mengeksport barangan/produk yang sama** seperti Vietnam yang dikenakan 46%, Thailand (36%) dan Indonesia (32%), **Malaysia mengambil keputusan untuk memulakan proses rundingan dengan AS seawal Mei 2025 bagi mendapatkan kadar tarif yang lebih rendah** agar barangan **eksport Malaysia terus kekal berdaya saing**. Pendekatan ini juga dilihat boleh memberi **kelebihan** kepada negara berbanding dengan **pilihan tidak berbuat apa-apa**

atau **mengambil tindakan balas** (*retaliation*) terhadap AS yang merupakan kuasa besar ekonomi dunia. Lebih-lebih lagi, **pilihan untuk tidak berunding atau** mengambil tindakan balas boleh **menjejaskan pasaran eksport yang bernilai RM198.65 bilion merentas pelbagai sektor yang menyokong ekonomi Malaysia, termasuk PKS, selain boleh menjejaskan jutaan pekerja Malaysia.**

- ii) Berdasarkan penilaian impak dan pelbagai senario berkemungkinan, **rundingan dengan AS mengambil pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation*)** yang merentasi pelbagai Kementerian¹, Agensi dan sektor swasta, dengan matlamat **untuk mencapai satu persetujuan yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara. Ingin ditekankan, di sepanjang proses rundingan, Malaysia berpegang teguh kepada prinsip berkecuali, pendekatan *whole-of-nation* dan sentiasa memastikan kepentingan dan kedaulatan negara terus dilindungi dan terpelihara. Pasukan perunding tidak langsung berganjak pendirian di dalam perkara-perkara**

¹ Termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Kesihatan, Kementerian Digital, Kementerian Komunikasi, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan.

yang melibatkan isu-isu garis merah (*red lines*) khususnya hak Bumiputera, dasar perolehan Kerajaan dan tuntutan pembukaan/liberalisasi ekuiti sepenuhnya sektor-sektor strategik negara seperti tenaga dan telekomunikasi. Kalau ada yang mendakwa kononnya kita 'jual negara', saya cabar mereka tunjuk satu klausa yang melanggar atau melepasi garis-garis merah ini. Satu pun tiada. Sebenarnya, Tan Sri Yang Dipertua, kalau kita mahukan terma yang lebih baik, mudah sahaja, berikan semua perkara garis merah yang kita berusaha sedaya upaya lindungi selama ini. Walaupun begitu, jika kita bagi kesemuanya, tiada jaminan kita akan diberikan tarif lebih rendah. Ini hakikatnya. Tetapi kita tetap dengan pendirian kita, pertahankan kepentingan negara, tidak berganjak walaupun seinci dalam mempertahankan garis-garis merah ini. Ini soal maruah dan kedaulatan negara, dan sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara, Kerajaan tidak akan sekali-kali mengizinkan kedaulatan kita diganggu gugat.

- iii) Perjanjian ART ini juga mengandungi klausa-klausa yang menjamin kedaulatan negara, di mana

pelaksanaan perjanjian adalah **berdasarkan kepentingan dan keselamatan ekonomi negara serta berlandaskan undang-undang dan peraturan domestik negara.** AS juga bersetuju supaya sebarang langkah yang ingin diambil pihaknya dalam menangani isu-isu ketidakseimbangan perdagangan haruslah melalui **mekanisma rundingan** bagi mencari kesefahaman bersama . Sebagai contoh, **Artikel 5.1.1** tidak sepatutnya dilihat sebagai Malaysia secara membuta tuli mengikut apa jua sekatan AS yang dikenakan ke atas negara lain. Sebaliknya, peruntukan tersebut, melalui frasa "**mengikut undang-undang dan peraturan domestik**" dan "**dalam garis masa yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak,**" memberi Malaysia **ruang undang-undang dan diplomatik** untuk mengelak daripada mengambil tindakan ke atas negara-negara lain. Dengan kata lain, Malaysia hanya perlu berbincang dengan AS dan sekiranya Malaysia perlu mengambil tindakan perdagangan, kita boleh berbuat demikian di bawah undang-undang dan peraturan domestik, dengan garis masanya dan mekanisme sendiri. Peruntukan tersebut juga menekankan sebarang tindakan yang diambil oleh Malaysia haruslah isu yang merupakan, dengan izin, "**shared**

economic concern”, iaitu isu yang menjadi **masalah bersama** bagi Malaysia dan AS. Sekiranya perkara tersebut **bukanlah satu isu yang menjejaskan Malaysia**, kita **tidak perlu risau** dengan **obligasi** untuk **mengambil tindakan** atau **sekatan yang sama** seperti yang diambil oleh AS. Ingin saya tegaskan, Ini bukan lesen Amerika Syarikat untuk memaksa Malaysia mengambil tindakan yang sama. Sebaliknya, ini adalah **komitmen bahawa jika hanya ada keseimbangan bersama, kita bincang sebagai rakan strategik, kita runding, bukan sesekali sebagai sebagai negara bawahan. Itu perbezaannya.**

- iv) Hakikatnya jelas, hasil utama daripada rundingan yang mengambil masa enam bulan , adalah kejayaan Malaysia **menurunkan kadar tarif yang dikenakan AS dari 25% kepada 19%** yang merupakan kadar terendah yang dikenakan kepada negara-negara ASEAN yang juga mempunyai lebih dagangan dengan Amerika Syarikat. Lebih memberangsangkan, Malaysia turut **berjaya mendapatkan pengecualian dari tarif timbal balas 19% ini bagi 1,711 barisan tarif (*tariff lines*) ke atas produk-produk Malaysia yang dieksport ke AS, meliputi eksport utama**

Malaysia seperti minyak sawit, barangan berasaskan getah, produk koko, komponen dan alat ganti pesawat, dan farmaseutikal, yang secara kolektifnya menyumbang sehingga RM22 bilion (USD5.2 bilion) atau lebih kurang 12% daripada jumlah keseluruhan eksport negara ke negara AS pada tahun 2024. Ini bukan satu angka yang kecil. Justeru, Perjanjian ini memastikan akses yang berterusan bagi eksport barangan Malaysia ke pasaran AS.

- v) Sekiranya Perjanjian ART ini tidak segera dimeterai, Malaysia berhadapan dengan risiko Kerajaan AS akan menaikkan semula kadar tarif kepada kadar asal iaitu 24% atau pada kadar yang jauh lebih tinggi-30%, 40%, 50% - atau mungkin 100%. Kita tahu Amerika Syarikat mampu bertindak sedemikian dan telah dibuktikan di dalam rundingan dengan negara-negara lain. Jika perjanjian ini tidak dimuktamadkan, besar kemungkinan kadar tarif akan menjadi lebih tinggi, sekaligus akan menjejaskan daya saing eksport Malaysia ke pasaran AS. Siapa yang akan menanggung beban ini nanti? Siapa yang akan menanggung rugi dan gulung tikar? Syarikat kita juga! Siapa yang akan kehilangan kerja dan punca**

pendapatan? Rakyat Malaysia juga...

- vi) Selain itu, ketidaktentuan ini akan menyebabkan pelabur tiada keyakinan untuk membuat pelaburan baru atau mengembangkan pelaburan mereka di Malaysia. Kebolehamalan dan kebolehjangkaan adalah amat penting kepada komuniti perniagaan. Pelabur, Tan Sri Yang Dipertua, tidak melabur di negara yang kelihatan teragak-agak dan tidak bersedia melindungi pasaran eksportnya sendiri.

C. MANFAAT TAMBAHAN PERJANJIAN ART

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Melihat kepada konteks yang lebih menyeluruh, Malaysia turut menikmati **manfaat tambahan** susulan pemeteraian Perjanjian ART ini termasuk:
 - i) Sebagai sebahagian daripada pakej hasil rundingan ini, hubungan dua hala Malaysia–AS telah dinaik taraf kepada Perkongsian Strategik Komprehensif (*Comprehensive Strategic*

Partnership). Ini bukan simbolik. Ini meletakkan Malaysia dalam kelompok kecil rakan kongsi utama Washington, dan ia memberi kita *'line of sight'* terus kepada peluang pelaburan teknologi tinggi, pemindahan teknologi, dan akses rantai bekalan yang lebih selamat.

- ii) Dari segi hubungan perdagangan dan pelaburan, **Malaysia kini dianggap sebagai rakan kongsi rantai bekalan yang dipercayai (*trusted supply chain partner*)** yang dilihat akan melancarkan lagi aliran perdagangan barangan, termasuk barangan strategik dan berteknologi tinggi bagi mencapai matlamat **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)**. Ini mampu mempertingkatkan lagi daya saing ekonomi kita sekaligus menjayakan aspirasi Kerangka Ekonomi Madani untuk menjadikan Malaysia antara 30 kuasa ekonomi terbesar dunia.
- iii) Sebagai **rakan kongsi rantai bekalan yang dipercayai**, Malaysia berpotensi tinggi untuk menarik lebih banyak pelaburan dari AS dan pelbagai negara lain yang ingin mengeksport ke pasaran AS, sekaligus mengukuhkan kedudukan

Malaysia sebagai hab dan destinasi pelaburan terpilih di rantau ini. Sebagai rekod, setakat Januari-Jun 2025, pelaburan yang diluluskan dari AS mencatatkan RM10.4 bilion, manakala secara kumulatif sehingga 2024, rekod pelaburan dari AS adalah berjumlah RM218.2 billion.

- iv) Berdasarkan komitmen tinggi Malaysia melalui ART, Kerajaan AS menyatakan akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada Malaysia dalam penentuan hasil siasatan bagi sektor semikonduktor di bawah Seksyen 232 Akta Pengembangan Perdagangan 1962 (Trade Expansion Act 1962) AS yang dijangka akan dimuktamadkan menjelang hujung tahun 2025. Dengan kata lain, sektor semikonduktor Malaysia, yang menyumbang RM56.2 bilion eksport ke AS pada 2024, atau hampir 10% jumlah keseluruhan import semikonduktor AS, kini berunding sebagai rakan rantaian bekalan kritikal, bukan sekadar vendor biasa.**
- v) Yang paling utama, perjanjian ART ini memberi kepastian dan kebolehjangkaan (*certainty and predictability*) di mana elemen-elemen ini adalah**

amat penting dalam dunia perniagaan dan pelaburan. Dan izinkan saya sebut, **bila negara-negara lain kelak merujuk kerangka Malaysia-AS ini sebagai penanda aras, jangan pula ada yang cuba menulis naratif seolah-olah Malaysia ‘mengikut negara lain’.** Dalam kes ini, **negara lain yang akan ikut kerangka Malaysia.**

D. ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN SUSULAN PEMETERAIAN PERJANJIAN ART

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk turut memberi maklumbalas kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. **Banyak tuduhan berlegar di media sosial, termasuk daripada individu-individu yang mungkin tidak pun membaca keseluruhan teks perjanjian, tetapi bercakap seolah-olah mereka berada di meja rundingan.** Biar saya jawab satu persatu dengan fakta:

- i) **Pembelian Berjumlah RM1 trilion dari AS?** Senarai perolehan di bawah perjanjian ini bukan perkara baharu. Saya ada terangkan pada bulan Ogos yang lepas di

Parlimen. Mungkin pada masa itu Ahli Parlimen Pasir Gudang tidak hadir. Tidak mengapa, saya ulang semula hari ini. Ingin saya tegaskan bahawa Komitmen Pertimbangan Komersil di bawah Seksyen 6 Perjanjian ini tiada kena mengena dengan perbelanjaan Kerajaan. Ini adalah kerana pembelian-pembelian yang bakal dilakukan oleh syarikat-syarikat berkenaan merupakan cadangan perolehan sedia ada syarikat dan tidak melibatkan sebarang dana daripada Kerajaan. Apa yang kita buat, kita tanya kepada syarikat MNC dan juga GLC di negara ini, apakah perancangan pembelian mereka dari Amerika Syarikat dan kita senaraikan semua pembelian tersebut. Kalau tak ada tarif pun, memang mereka akan beli juga kerana ia adalah perolehan yang telah dirancang.

- Sebagai contoh, pembelian pesawat Boeing oleh Malaysia Aviation Group telah diumumkan pada bulan Mac 2025, jauh lebih awal daripada tarikh pengumuman tarif oleh Trump.
- Samalah juga dengan cadangan perolehan LNG oleh PETRONAS. PETRONAS sebenarnya dari dulu lagi membeli LNG dari pelbagai negara termasuk Amerika Syarikat. Sebelum pengumuman tarif pun PETRONAS dah beli LNG dari Amerika Syarikat. Tapi sebab kita tak kerja di PETRONAS, bila dengar pengumuman sahaja, terus

melompat, sedangkan perkara ini bukan baharu. Perolehan ini merupakan sebahagian daripada strategi komersial bagi memastikan kestabilan bekalan serta memenuhi komitmen kontrak domestik dan antarabangsa. Langkah ini diambil khususnya memandangkan komitmen bekalan jangka panjang PETRONAS melebihi keupayaan pengeluaran sedia ada. Sehubungan itu, perolehan LNG daripada negara pengeluar lain, termasuk dari AS akan membolehkan PETRONAS mengoptimumkan bekalan dan memastikan penghantaran (*delivery*) yang stabil kepada pelanggan.

- **Ini bukan arahan politik daripada Washington. Ini keputusan komersial PETRONAS untuk memastikan bekalan stabil, kontrak ditunaikan, dan negara tidak berdepan krisis tenaga. Negara berdaulat mesti ada sumber dan pilihan tenaga yang pelbagai, itu namanya keselamatan tenaga (*'energy security'*), bukan kebergantungan.**

ii) Pematuhan Standard Halal

- Seperti yang ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, standard Halal merupakan satu isu garis merah yang tidak pernah dikompromi oleh Kerajaan di sepanjang rundingan Perjanjian ART.

- Ingin saya tegaskan bahawa kebimbangan atau dakwaan yang mengatakan Malaysia berkompromi dengan isu halal ini adalah tidak berasas. Melalui Perjanjian ART, proses kelulusan pengimportan produk halal dari AS adalah kekal seperti sedia ada, iaitu dengan mematuhi keperluan standard halal Malaysia dan Akta Perihal Dagangan (Perintah Perihal Dagangan Perakuan & Penandaan Halal 2011) bagi tujuan perdagangan dalam Malaysia.
- Perjanjian ART menetapkan hanya produk halal yang mendapat pengesahan halal dari **badan pensijilan halal Amerika Syarikat** yang telah **diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** dan memenuhi **keperluan halal Malaysia** sahaja akan diperakukan dan dibenarkan bagi tujuan eksport ke Malaysia.
- Ingin saya tekankan, pengiktirafan JAKIM ke atas mana-mana badan pensijilan halal di AS adalah berdasarkan **proses audit dan pengesahan yang ketat** dengan menilai keupayaan dan tahap pelaksanaan pematuhan terhadap standard halal Malaysia.
- Ini bermakna, kawalan penuh terhadap standard, penentuan kriteria dan pengiktirafan halal **kekal berada di bawah bidang kuasa JAKIM**. Tiada sebarang kelonggaran terhadap piawaian atau prosedur halal Malaysia.

- Jadi kalau ada pihak yang cuba menakut-nakutkan rakyat kononnya '**standard halal kita akan ditentukan Amerika**', saya nak tegaskan dalam Dewan ini itu tidak benar. Standard halal Malaysia ditentukan oleh Malaysia, disahkan oleh JAKIM, dan dipelihara oleh umat Islam di negara ini. Noktah! *Full stop*.
- Dari sudut perdagangan, pendekatan ini bertujuan **memudah cara pentadbiran dan memfasilitasi urusan eksport-import, tanpa menjejaskan integriti sistem halal Malaysia**, mahupun kedudukan standard halal negara sebagai penanda aras antarabangsa secara berterusan.

iii) Sektor Mineral Kritikal dan Unsur Nadir Bumi (Rare Earth Elements - REE)

- Terdapat dakwaan bahawa Malaysia memberikan kelonggaran untuk membenarkan pengeksportan mineral kritikal dan REE ke AS di mana sesetengah pihak menyifatkannya sebagai satu desakan untuk 'keuntungan segera' yang akan menggagalkan matlamat strategik negara.
- Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia masih mengekalkan dasar MELARANG eksport REE mentah bagi

memastikan pembangunan industri hiliran tempatan¹. **Maknanya apa? Maknanya nilai tambah mesti berlaku di Malaysia. Pekerjaan berkemahiran tinggi mesti diwujudkan di Malaysia. Teknologi pemprosesan mesti masuk ke Malaysia. Kita tidak lagi mahu menjadi negara yang hanya menggali dan menghantar keluar bahan mentah murah, seperti masa silam.** Pada masa ini, Malaysia menggalakkan pelaburan asing dan perkongsian teknologi bagi aktiviti perlombongan REE mentah dalam membangunkan ekosistem industri domestik yang lebih bersepadu. Sehubungan ini, Malaysia mengalu-alukan kerjasama strategik dengan pihak AS mahupun negara-negara lain dalam pembangunan industri REE tempatan terutamanya potensi kerjasama *tripartite* antara pihak Malaysia, AS dan Australia (Lynas). **Saya ulang, kalau ada apa-apa pembangunan sumber strategik negara, ia akan berlaku mengikut undang-undang Malaysia, di tanah Malaysia, dengan kawalan kedaulatan Malaysia.** Bukan sesuka hati mengikut kehendak pelabur asing.

- **Saya juga ingin jelaskan satu perkara penting supaya tidak berlaku sebarang kekeliruan atau diputar belit.** Dasar kita bukan untuk menghalang perdagangan selama-lamanya. Dasar kita ialah untuk menghalang eksport bahan mentah murah yang tidak diproses, supaya nilai tambah berlaku dahulu di Malaysia. **Seperti mana sektor**

lain seperti *oil and gas*, getah, koko, minyak sawit, Malaysia tidak menghalang eksport produk hiliran dan bahan yang telah diproses. Prinsip yang sama terpakai kepada REE dan mineral kritikal. Selepas diproses di dalam negara mengikut undang-undang dan piawaian kita sendiri, dan selepas nilai itu dicipta di sini, **produk hiliran bernilai tinggi bolehlah dieksport sebagai sebahagian daripada rantai bekalan global**. Inilah caranya kita memastikan pekerjaan berkemahiran tinggi, teknologi pemprosesan, dan nilai industri kekal di Malaysia, bukan disedut keluar sebagai bijih mentah dengan harga murah.

- Umumnya, pelaksanaan fasilitasi dan semua pelaburan di bawah Perjanjian ini akan **terus tertakluk** dan dilaksanakan **selaras dengan undang-undang dan dasar negara**. Ianya bagi memastikan **sektor strategik kekal dilindungi**, dan dalam masa yang sama **memperkukuh peluang baharu untuk rakyat dan industri domestik**.

E. PENUTUP

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan **faktor-faktor di atas serta kelonggaran**

yang diberikan oleh pihak AS berbanding dengan tuntutan awal, Perjanjian ART ini disifatkan sebagai kesepakatan yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak², termasuk sektor perniagaan³ dan eksport⁴ Malaysia. Kenyataan ini disokong oleh pelbagai persatuan industri tempatan. Malah, ramai dalam komuniti industri memberitahu MITI secara terus terang, kalau rundingan ini gagal, mereka bukan hanya rugi keuntungan, mereka mungkin terpaksa menutup operasi dan memberhentikan pekerja Malaysia. Inilah realiti yang kami tangani setiap hari, jauh dari platform politik mahupun retorik media sosial.

2. Saya juga ingin mengulangi bahawa pendekatan Malaysia dalam rundingan ART adalah berasaskan prinsip keterbukaan dan kepentingan jangka panjang nasional, berpaksikan kepada perlindungan bagi kelangsungan syarikat, termasuk PKS dan rakyat Malaysia yang menimba rezeki melalui ekosistem sektor perniagaan dan pembuatan yang mana destinasi eksport adalah ke pasaran AS.

² [Malaysia-US Reciprocal Trade Agreement Strengthens Economic Ties, Boost Market Access - AMCHAM](#)

³ [Perjanjian AS-Malaysia lindungi sektor eksport kritikal negara - FMM](#)

⁴ [US Tariff Exemptions Strengthen Market Access for Malaysian Palm Oil](#)

3. **Rundingan ini juga tidak bermaksud persetujuan mutlak negara terhadap semua syarat yang dikemukakan oleh AS. Sebaliknya, Perjanjian ART ini menjanjikan ruang untuk Malaysia memastikan peluang untuk berbincang dan berunding sentiasa terbuka agar isu-isu dapat diselesaikan tanpa menjejaskan kepentingan dan kedaulatan negara. Dengan bahasa mudah, Perjanjian ART ini bukan cek kosong kepada Amerika Syarikat. Ia adalah pagar. Pagar yang kita bina, supaya apa-apa tindakan selepas ini mesti melalui rundingan, bukan ugutan unilateral.**
4. **MITI turut ingin menegaskan bahawa Perjanjian ART Malaysia-AS bukan satu-satunya inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menangani isu geoekonomi dan geopolitik global. Sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan sedar bahawa Malaysia tidak boleh bergantung kepada hanya satu atau dua pasaran atau rakan dagang utama sahaja. Justeru, MITI sedang giat berusaha untuk terus mempelbagaikan destinasi pasaran eksport di samping mengukuhkan kedudukan Malaysia di pasaran sedia ada. Pendekatan utama yang diambil adalah melalui pengukuhan FTA sedia ada, dan merundingkan FTA baharu seperti dengan Republik Korea, UAE, EFTA (Switzerland, Norway,**

Lichtenstein dan Iceland) yang berjaya dimuktamadkan pada tahun ini.

Tan Sri Yang di-Pertua,

5. Dalam memuktamadkan perjanjian tarif timbal balas dengan Amerika Syarikat ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada pasukan penjawat awam dari MITI dan juga pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang membantu dan dirujuk sepanjang proses rundingan. Sememangnya, penjawat awam ini terdiri daripada pelbagai latar belakang, kepakaran dan pengalaman.
6. Selama lebih 6 bulan, mereka telah bertungkus lumus menggembleng usaha, bersengkang mata dan memerah keringat, untuk memastikan kepentingan negara terus terjamin, maruah kita terus terbela dalam kita dihipit kemelut tarif timbal balas ini.
7. Bayangkan, perbezaan waktu 12 jam dengan Washington DC di Amerika Syarikat, bermakna **pasukan kita di Malaysia terpaksa berunding di waktu malam dan awal pagi, ketika rakyat Malaysia kebanyakannya sedang**

lena dibuai mimpi. Sesudah bersenggang mata, mereka masuk bekerja menjalankan tugas hakiki pula di siang hari. Tan Sri Yang Dipertua, berbalik semula kepada prosesnya, setelah berunding, hasil rundingan dengan rakan sejawat di Amerika Syarikat perlu dirujuk kepada Kementerian-Kementerian yang berkenaan untuk mendapat maklumbalas dan kemudian diangkat untuk dibincang dan diputuskan di dalam kabinet. Saya sendiri pernah mengatur perbualan telefon di antara President Trump dan Perdana Menteri YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim pada pukul 6 pagi.

8. Sememangnya proses rundingan ini rumit dan amat mencabar. **Seperti yang saya pernah jelaskan sebelum ini, perjanjian tarif timbal balas unilateral ini adalah sesuatu yang dengan izin tuan Yang Dipertua, benar-benar "unprecedented".** Ahli-ahli Yang Berhormat perlu faham, **kita bukan berunding FTA biasa yang selalunya mengambil masa bertahun-tahun. Rundingan FTA yang paling pantas yang pernah dicapai pun mengambil 18 bulan – satu setengah tahun.** Kita berunding dalam keadaan Malaysia dikenakan tarif. **Tekanan masa bukan ditentukan oleh Putrajaya, tekanan masa itu datang dari Washington.** Inilah sebabnya rundingan ini menjadi antara yang **terpantas dan paling rumit dalam sejarah rundingan perjanjian perdagangan negara.**

9. Justeru, kejayaan memuktamadkan perjanjian ini jelas menunjukkan komitmen tertinggi para penjawat awam kita dalam memastikan kepentingan negara terus terbela. Jujur saya akui, saya cukup kecewa apabila ada di dalam dewan ini dan di luar sana yang mempersenda dan memperkotak-katikan usaha pasukan para perunding kita.
10. Saya faham kalau ada serangan yang bermotifkan politik kepada pimpinan Kerajaan, tetapi janganlah kita memperlekehkan usaha dan pengorbanan para penjawat awam yang telah berusaha memastikan kedaulatan negara terus terjamin. Ada di kalangan ahli Yang Berhormat yang menyebut perjanjian ini menggadaikan negara tercinta kita, saya ingin bertanya kembali, adakah YB maksudkan para penjawat awam ini juga mahu menggadaikan negara? Cukup cukuplah berpolitik dan berhujahlah dengan fakta dan bukan retorik!
11. Tan Sri Yang di-Pertua, pada akhirnya, isu ini bukan tentang saya atau mana-mana parti politik, **Isu ini tentang masa depan pekerjaan dan punca rezeki jutaan rakyat Malaysia, daya saing perusahaan kita, dan kedudukan ekonomi negara dalam dunia yang kian tidak menentu.**

Itu amanah kami sebagai Kerajaan Persekutuan. Dan itu juga tanggungjawab bersama Dewan yang mulia ini.

12. Sebab itu saya merayu kepada semua Ahli Yang Berhormat, kita boleh bersaing dalam politik, **tetapi dalam hal mempertahankan kepentingan ekonomi dan kedaulatan negara, kita mesti kukuh bersama, bersatu sebagai Malaysia, satu suara yang jelas, tegas dan bermaruah.** Jangan biarkan orang luar memecah belahkan kita. Sememangnya, dunia sedang memerhati bagaimana kita bertindak balas walaupun dihipit pelbagai tekanan. Ini bukan satu situasi yang ideal, tetapi kita bersama-sama mencari penyelesaian yang mampu melindungi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat. Biar **dunia lihat bahawa Malaysia bukan negara yang tunduk menikus mengikut telunjuk mana mana kuasa, tetapi negara yang dihormati dan disegani, mampu berunding dengan yakin, menjamin kedaulatan negara, mempertahankan haknya, dan melindungi kepentingan rakyatnya.**

Sekian, terima kasih.